
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMK 219 – Karya Terpilih Kesusastraan Asia Klasik

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab EMPAT soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Apa yang dimaksud dengan istilah-istilah berikut : -

- (a) golongan *mukhdramain*
- (b) *manzur*
- (c) *mantsur*
- (d) *ruba'i*
- (e) *tasawuf*

(25 markah)

2. Puisi Sufi menumpukan perhatian terhadap ‘Yang Abadi’ atau ‘Yang Kekal’ dan kerinduan akan kehadiran ‘Yang Satu’. Huraikan puisi dibawah mengikut tumpuan yang dimaksudkan.

Kini kutahu, Tuhan – Siapa
Bersemayam dalam hatiku
Dalam rahsia, jauh daripada dunia
Lidahku bercakap dengan-Nya yang kpuja

Melalui sebuah jalan
Kami mendekat rapat
Terpisah jauh daripada-Nya
Berat seksa yang mendera jiwa

Walau kau sembunyikan wajah-Mu
Jauh daripada pandangan mataku
Dalam cinta kurasa kehadiran-Mu
Yang mesra dalam hatiku

Dalam bencana mengerikan
Tak kusesali seksa yang mencabik jiwa
Hanya Kau saja Tuhan yang kurindu
Bukan kurnia atau tangan pemurah-Mu

Apabila seluruh dunia Kau berikan kepadaku
Atau syurga sebagai pahala
Aku berdoa supaya seluruh kekayaanku
Tak berharga dibanding melihat wajah-Mu

(25 markah)

3. Bincangkan kedua-dua sajak Abu Nuwas yang diberikan di bawah ini dan jelaskan perubahan spiritual yang di alami oleh penyair seperti yang tergambar di dalam sajak-sajak tersebut.

Anggur dan aku sering kau hardik
Tak pernah senyummu tersungging untukku
Maka aku menentangmu sentiasa
Mencercamu dengan kasar

Jangan sebut lagi nama anggur
Sebelum kau berhenti mengutuknya
Aku was-was lidah curangmu nampak
Disebabkan keindahan dan pesona anggur

Mari, tuang anggur, o Pelayan muda
Ya anggur tua sepuluh tahun usianya
Genangan yang nampak dalam cawan
Seolah-olah danau cairan emas semata

Dan apabila dicampurkan air dengannya
Bagi mata yang suka mengkhayal

Kau nampak untaian mutiara gemerincing
Bagaikan kalung berkilauan

(Terjemahan Abdul Hadi W.M.)

Tuhan, kalaupun dosaku begitu besar
Aku pun tahu sikap Maha Pengampun-Mu sungguh Mahabesar
Kalau yang berharap kepada-Mu hanya orang-orang saleh
Kepada siapakah orang berdosa akan berlindung?
Doaku hanya kepada-Mu ya Allah,
Tulus, sepenuh hati, mengikut perintah-Mu.
Kalau tanganku Kau tolak,
Siapa lagikah yang akan mengampuni aku ?
Bagiku tiada jalan lain kepada-Mu, ya Allah
Hanya harapan dan pengampunan-Mu
Yang begitu indah, begitu agung
Selain itu semua, aku ialah Muslim

(Terjemahan Ali Audah)

(25 markah)

4. *Mantiq al-Tayr* karya ‘Attar menceritakan penerbangan burung-burung mencari raja di raja mereka Simurgh yang berada di puncak gunung Qaf yang sangat jauh. Perjalanan tersebut melalui tujuh lembah yang merupakan lambang tahap-tahap perjalanan sufi menuju cinta Ilahi. Huraikan ketujuh-tujuh lembah yang dilalui burung-burung tersebut.
(25 markah)
5. *Kisah Tiga Kerajaan* karya Lou Kuan Chung termasuk jenis roman peperangan paling menonjol yang dihasilkan pada zaman Dinasti Ming. Apakah strategi-strategi yang dijalankan oleh watak-watak dalam karya tersebut?
(25 markah)
6. *Hung Lou Ming (Impian dari Pavilion Merah)* Karya Tsao Hsyeh – Chin atau Cao Xue – qin dihasilkan pada awal zaman pemerintahan Dinasti Ching. Novel ini menggambarkan kemunduran sebuah keluarga feudal Cina pada Abad ke 17 M. Watak-watak dan kejadian dalam novel ini dijalankan berdasarkan tiga aliran pemikiran : Taoisme, Buddhisme dan Konfusianisme. Bincangkan mesej keagamaan berdasarkan ketiga-tiga aliran pemikiran tersebut.
(25 markah)